

MPP USIM perjuang tiga misi

TERMETERAI sudah pelantikan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi tahun 2008/2009 yang menyaksikan majlis serah tugas dan mengangkat sumpah mengaku taat setia kepada Pengurusan Universiti dalam membantu universiti mencapai misi dan visi selari dengan aspirasi negara.

Menyoroti proses pilihan raya MPP USIM yang diadakan pada 13 Januari lalu, USIM mempertandingkan 24 kerusi iaitu lapan untuk kawasan umum dan 16 untuk kawasan fakulti. Sebanyak empat kerusi menang tanpa bertanding iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Jumlah 95.75peratus pelajar keluar mengundi menjadikan USIM antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai peratusan yang tinggi dalam membuang undi.

Penuntut Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Muhammad Alif Ismail mendapat undian tertinggi, sekali gus melayakkannya dilantik Yang Dipertua MPP bagi sesi 2008/2009.

Berqasadkan kepada slogan Motivasi, Profesional dan Perubahan, MPP kali ini memperjuangkan tiga misi utama iaitu



FARID Din (kanan) serahkan Fail Tugas YDP MPP USIM sesi 2008/2009 kepada Muhammad Alif Ismail.

empati/prihatin kebajikan mahasiswa, Optima Potensi Intelektual Mahasiswa dan Pengantarabangsaan dan Jana Personaliti Mahasiswa Dinamik dan Islamik.

Seperti tahun-tahun sebelumnya pihak pengurusan universiti telah bersetuju memperuntukkan dana di dalam Tabung



MAJLIS angkat sumpah MPP USIM sesi 2008/2009.

Khas MPP bagi tujuan memudahkan MPP merancang dan membangunkan program-program kemahasiswaan sepanjang 2008/2009.

Bagi tujuan memantapkan lagi pengurusan pentadbiran MPP sesi itu, pihak pengurusan juga sebulat suara bersetuju memperuntukkan insentif

kepada barisan MPP atas usaha dan kerja keras mereka dalam membangunkan program-program pembangunan.

Majlis diakhiri dengan penyerahan Fail Tugas oleh mantan MPP, Farid Din kepada Muhammad Alif Ismail. Ia disaksikan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin.